

15/11/1999

Pemuda, Wanita berikrar kerja keras

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno hari ini berikrar untuk bekerja keras dan berjuang sehingga titisan darah terakhir bagi memastikan kemenangan majoriti dua pertiga Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum kali ini.

Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata sudah tiba masanya Pemuda dan Wanita berjuang habis-habisan menggempur serta mengajar pembangkang kerana sering memaki hamun, menfitnah, mencaci dan memperkecilkan pemimpin negara.

Katanya, tindakan parti pembangkang yang menidakkan kejayaan BN itu juga perlu diperbetulkan.

"Kita akan berperang habis-habisan terhadap parti pembangkang yang membakar, mencincang dan memijak panji kita. Kita perlu bangkit untuk memastikan setiap calon BN menang demi kesejahteraan kaum, bangsa dan agama," katanya.

Beliau berucap pada majlis perhimpunan pasukan gerak gempur Pemuda dan Wanita BN dari seluruh negara yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Hishammuddin berkata, semua barisan Pemuda perlu seiringan untuk memberi sokongan kepada kerajaan pimpinan Dr Mahathir.

Ketika ditemui kemudian, beliau berkata Pemuda Umno mempunyai iltizam tinggi untuk memastikan kemenangan BN dan sudah membuat persediaan sejak setahun lalu.

Katanya, iltizam itu semakin membara selepas mendengar amanat daripada Dr Mahathir dan akan memastikan ia terus kekal sehingga hari pengujaan undi.

"Disebabkan banyak kejayaan dan kemajuan sudah dinikmati rakyat sepanjang pemerintahan BN, Pemuda yakin tiada sebab untuk rakyat menolak BN pada pilihan raya kali ini," katanya.

Hishammuddin berkata, golongan muda terutama pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) kini juga sudah mula memahami keadaan sebenar politik negara selepas diberi penerangan mengenai sesuatu isu yang sering dibangkitkan pembangkang.

Katanya, kebanyakan pelajar yang terbabit dalam demonstrasi baru-baru ini mungkin disebabkan mereka kurang faham atau tidak mendapat maklumat betul mengenai sesuatu isu sehingga mereka bertindak sedemikian.

Beliau berkata, pelajar terbabit juga semakin sedar mereka sebenarnya diperalatkan oleh golongan tertentu demi kepentingan politik.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata Wanita juga berjanji dengan semangat jitu untuk menumpaskan parti lawan agar tidak terus menipu.

Katanya, semua wanita perlu membuat pilihan yang tepat dengan mengundi BN untuk kepentingan rakyat keseluruhannya.

"Seperti menyeluk pekasm, biarlah sampai ke pangkal lengan. Kalau dulu BN, sekarang juga BN dan selamanya BN," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan kepada semangat Malaysia Boleh, pilihan raya kali ini mampu mencapai kemenangan besar.

(END)